



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***WACANA TAKLIF DAN MANIFESTASINYA TERHADAP CERITA DALAM
NOVEL PUJANGGA MELAYU OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN***

AKALILY BINTI NARMI

FBMK 2021 44



**WACANA TAKLIF DAN MANIFESTASINYA TERHADAP CERITA DALAM
NOVEL *PUJANGGA MELAYU* OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN**

Oleh

AKALILY BINTI NARMI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang,

Syukurku panjatkan atas segala kurnia-Nya,
Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah S.A.W,
Kajian ini didedikasikan khas buat insan-insan tersayang
yang banyak membantu,
Memberi semangat dan dorongan yang tidak terhingga.

Khas buat Ayah dan Ibu yang dikasihi,

Narmi bin Hj. Hussin dan Hayati binti Ab. Wahab,

Terima kasih atas segala didikan, pengorbanan, dorongan,
kepercayaan dan sokongan yang tiada penghujungnya,
Sesungguhnya kasih sayang itu
yang menguatkan hati ini untuk terus berjuang.

Kepada penyelia yang dihormati,

Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani,

Segala jasa dan tunjuk ajar
akan kusemat di sanubari ini,
Semoga Allah merahmatimu selalu.

Buat kalian yang disayangi,

Mohamad Sopian, Hang Kasturi, Fatin Alia', Nur Azimah, Nik Nordini,
Nor Farahin, Nor Aisyah, Nur Asiffa, Anis, Fatimah,
Atikah, Nurul, Masturi, Syahirah dan Zakuan.

Terima kasih atas segalanya
kerana sentiasa berada di sisiku setiap kali
diri ini dirundung duka,
Kejayaan yang kukecapi ini milik kita bersama.

Buat rakan-rakan seperjuangan,

Memori indah bersama kalian,
Akan kuabadikan selamanya,
Dorongan dan semangat,
Memberi seribu makna buat diriku.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**WACANA TAKLIF DAN MANIFESTASINYA TERHADAP CERITA DALAM
NOVEL *PUJANGGA MELAYU* OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN**

Oleh

AKALILY BINTI NARMI

Oktober 2019

Pengerusi : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang menyerlahkan kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah novel yang mengandungi “ilmu” dan “pemikiran”, atau disebut sebagai “wacana”. Selain itu, kajian-kajian ilmiah sedia ada juga cenderung dalam memperakukan bahawa “wacana” merupakan bentuk yang dimanfaatkan secara signifikan dalam *Pujangga Melayu*, khususnya bagi menjelaskan prinsip *Taklif*. Dalam konteks ini, kajian ini ingin menghujahkan bahawa “wacana” bukan satu-satunya bentuk yang dimanfaatkan dalam *Pujangga Melayu* bagi menjelaskan prinsip *Taklif*. Hal ini kerana bacaan awal mendapati bahawa selain bentuk “wacana”, prinsip *Taklif* dalam *Pujangga Melayu* turut diterjemahkan dalam bentuk “cerita”, terutamanya aspek watak dan perwatakan. Sehubungan itu, kajian ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif penting, iaitu menganalisis proses pembinaan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu*, dan merumuskan peranan watak dalam menterjemahkan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. Dalam usaha untuk merealisasikan kedua-dua objektif ini, kajian ini memilih untuk menerapkan gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan sebagai kerangka analisis. Pemilihan ini adalah didasarkan kepada beberapa pertimbangan penting, yang antaranya ialah idea pokok gagasan Persuratan Baru yang membezakan secara jelas antara “wacana” dengan “cerita”. Dengan menerapkan gagasan Persuratan Baru sebagai kerangka analisis, kajian ini merumuskan bahawa bentuk “cerita”, iaitu aspek watak memainkan peranan penting dalam proses pembinaan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu*. Dengan hasil analisis serta rumusan ini, kajian ini diharap memberikan sumbangan yang bererti dalam pengkajian novel *Pujangga Melayu*, sekali gus membuka ruang kepada lebih banyak kajian-kajian ilmiah seterusnya yang meneliti aspek “wacana” dan “cerita” dalam persuratan Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**DISCOURSE ON TAKLIF AND ITS MANIFESTATION IN THE NARRATIVE
OF PUJANGGA MELAYU BY MOHD. AFFANDI HASSAN**

By

AKALILY BINTI NARMI

October 2019

Chairman : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study started from literature review that highlight the tendency of existing scientific studies in recommending *Pujangga Melayu* as a novel containing "knowledge" and "thought", or referred to as "discourse". In addition, the scientific studies from literature review also recommend that "discourse" is a significant form of *Pujangga Melayu*, especially in explaining the principle of *Taklif*. In this context, this study would like to clarify that "discourse" is not the only form that is utilized in *Pujangga Melayu* to explain the principle of *Taklif*. This is because early readings found that apart from the form of "discourse", the principles of *Taklif* in *Pujangga Melayu* were also translated in the form of "stories", especially character and characteristic. In this regard, this study is structured to achieve two important objectives, which is to analyse the construction process of the "discourse of *Taklif*" in the *Pujangga Melayu* novel, and formulate roles in translating "discourse of *Taklif*" in the *Pujangga Melayu* novel by Mohd. Affandi Hassan. In an effort to realise these two objectives, this study chose to apply a *Persuratan Baru* advanced by Mohd. Affandi Hassan as a framework for analysis. The choice of *Persuratan Baru* is based on its key concept that distinguishes between "knowledge" and "story" in the structure of a creative work. By adopting a *Persuratan Baru* as an analysis framework, this study formulated that the form of "story", which is the character plays an important role in the construction process of "discourse of *Taklif*" in the *Pujangga Melayu* novel. With these analyses and formulations, the study is expected to contribute in the *Pujangga Melayu* novel review, thus opening the space to more scientific studies that examine the aspect of "discourse" and "story" in Malay literature.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah hirrabbi'l'amin, saya merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya maka kajian yang bertajuk “Wacana *Taklif* dan Manifestasinya terhadap Cerita dalam Novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan” ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Saya menjulang sepenuh penghargaan kepada penyelia tesis saya, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, dan ahli jawatankuasa penyeliaan tesis, iaitu Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin dan Dr. Pabiyah Haji Maming@Toklubuk yang telah banyak memberikan bimbingan, dorongan serta tunjuk ajar yang amat berharga dalam menyempurnakan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Seterusnya, sekalung ucapan terima kasih saya berikan kepada semua pensyarah dan pegawai-pegawai di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Tun Seri Lanang, Universiti Malaya, dan Dewan Bahasa dan Pustaka, yang telah banyak membantu saya bagi mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian saya.

Sekian, Wassalam.

AKALILY BINTI NARMI

GS48520

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia,

43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Pabiyah binti Hajimaming@Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD. SHARIFF, Ph.D

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Akalily Binti Narmi (GS48520)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kerangka Analisis	6
1.5 Skop dan Batasan Kajian	7
1.6 Definisi Operasional	8
1.6.1 “Isian Wacana”	8
1.6.2 “Isian Cerita”	9
1.6.3 “Ruang Naratif”	10
1.7 Organisasi Pembahagian Bab	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
2 SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 <i>Pujangga Melayu</i> sebagai Novel “Ilmu” dan “Pemikiran”	12
2.3 “Wacana” Sebagai Bentuk yang Signifikan dalam Novel <i>Pujangga Melayu</i> , Khususnya Bagi Menghujahkan Prinsip <i>Taklif</i>	17
2.4 Kesimpulan	19
3 GAGASAN PERSURATAN BARU SEBAGAI KERANGKA ANALISIS	21
3.1 Pengenalan	21
3.2 Falsafah Gagasan Persuratan Baru	21
3.2.1 Hakikat Insan	21
3.2.1.1 Perjanjian Azali	21
3.2.1.2 Fitrah	22
3.2.1.3 Ibadah	23
3.2.1.4 Kebebasan Memilih dengan Keupayaan Akal	23
3.2.1.5 Halangan dalam Melaksanakan Janji Azali	24
3.2.2 Hakikat Ilmu dan Amal	25
3.2.2.1 Keutamaan Ilmu	25
3.2.2.2 Ilmu yang Benar	26
3.2.2.3 Konsep Ilmu, Pengetahuan dan Maklumat	27
3.2.2.4 Amal Soleh	27
3.2.3 Hakikat dan Fungsi Sastera	28
3.2.3.1 Pengertian <i>Qalam</i>	28
3.2.3.2 <i>Kalimah Tayyibah</i>	29
3.2.3.3 <i>Uswah Hasanah</i>	30

3.3	Alat Analisis Gagasan Persuratan Baru	31
3.3.1	“Isian Wacana”	31
3.3.2	“Isian Cerita”	32
3.3.3	“Ruang Naratif”	34
3.4	Kesimpulan	34
4	ANALISIS NOVEL <i>PUJANGGA MELAYU</i> OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN	35
4.1	Pengenalan	35
4.2	Pembentukan “Ruang Naratif”	35
4.3	“Wacana <i>Taklif</i> ” dan Proses Pembinaannya	36
4.3.1	Perjanjian Azali	36
4.3.2	Konsep Keberhutangan	37
4.3.3	Fitrah	38
4.3.4	Ibadah	39
4.3.5	Akal	40
4.3.6	Ilmu yang Benar	41
4.3.7	Penerapan <i>Taklif</i> dalam Aspek Cita-cita dan Pekerjaan	42
4.3.8	Penerapan <i>Taklif</i> dalam Aspek “Sastera” dan “Persuratan”	43
4.3.9	Penerapan <i>Taklif</i> dalam Aspek Cinta dan Perkahwinan	45
4.4	Watak dan Peranannya dalam Pembinaan Wacana <i>Taklif</i>	46
4.4.1	“Watak Pencetus Idea”	47
4.4.1.1	Watak Tok Ayah	47
4.4.1.2	Watak Awang	51
4.4.2	“Watak Pendorong Idea”	57
4.4.2.1	“Watak Inferior”	58
4.4.2.1.1	Watak Ayah	58
4.4.2.1.2	Watak Ibu	60
4.4.2.2	“Watak Setara”	62
4.4.2.2.1	Watak Tengku Aini Faridah	63
4.4.2.2.2	Watak Aisyah	64
4.4.2.2.3	Watak Faridah	66
4.4.2.2.4	Watak Salasih	66
4.4.2.3	“Watak Kontra”	68
4.4.2.3.1	Watak Bakhtiar	68
4.4.2.3.2	Watak Sob	71
4.5	Kesimpulan	72
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	74
5.1	Rumusan	74
5.2	Cadangan	78
	BIBLIOGRAFI	79
	LAMPIRAN	82
	BIODATA PELAJAR	93

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) merupakan seorang penulis dan pengkritik sastra yang telah memahat namanya yang kukuh dalam lapangan kesusasteraan Melayu. Anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan ini mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan seawal usia 12 tahun, dengan menghasilkan puisi berjudul “Budi Pekerti Yang Mulia” dan diikuti dengan cerpen berjudul “Kapitalis Kecil” yang terbit dalam akhbar *Fikiran Rakyat* pada Januari 1957 (Mohd. Affandi, 2017). Cerpen ini menjadi titik permulaan bagi penglibatan Mohd. Affandi dalam dunia penulisan kreatif. Selain itu, Mohd. Affandi juga giat menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah yang terbit seawal tahun 90-an dan menjadi antara sumber rujukan penting dalam bidang kesusasteraan Melayu hingga kini. Antara karya tersebut ialah *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (1992), *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Muhammad Haji Salleh* (1994), *Gagasan Persuratan Baru: Satu Pengenalan* (2008), *Gagasan Persuratan Baru: Edisi Kedua* (2014), *Pandirisme dalam Komuniti Dunia* (2016), dan *Anugerah Sastra Negara dalam Kesusasteraan Melayu Moden* (2019) (Mohd. Affandi, 2019).

Selain buku-buku di atas, kritikan Mohd. Affandi khususnya berkaitan kesusasteraan Melayu turut terbit dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar seperti *Dewan Masyarakat*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastra*, *Mastika*, *Widya*, *Mingguan Timur*, *Mingguan Bumi*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Harakah*, *Utusan Zaman*, dan *Watan* (Nur Fatiha Fadila, 2014). Merujuk kepada tulisan-tulisan kritikan sastra Mohd. Affandi pula, menarik untuk dinyatakan bahawa beberapa pengkritik termasuklah Rahman Shaari mengakui kekuatan tulisan kritikan-kritikannya yang dianggap mantap dengan pengisian ilmu dan hujah yang sukar dipatahkan, sebagaimana yang dijelaskan Rahman Shaari dalam petikan No. 1, LAMPIRAN A.

Seiring dengan itu, Mohd. Affandi juga terkenal dalam bidang penulisan kreatif yang merupakan satu bidang penulisan yang tidak asing bagi beliau. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, Mohd. Affandi mula terlibat dalam kegiatan penulisan sejak berusia 12 tahun. Kegiatan penulisan cerpen Mohd. Affandi semakin rancak ketika beliau mengikuti pengajian sarjana muda dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Universiti Malaya pada sekitar tahun 1966. Kumpulan cerpen beliau yang pertama berjudul *Matinya Seorang Pahlawan* (1971), dan diikuti dengan *Le Masque* (1974), *Mimpi Rakyat* (1985), *Pura Bujangga* (1990), *Tenggelam di Laut Cina* (1994), *Bukan ahli UMNO: Bukan Salah SSB* (1998), *Biarlah Orang Tahu* (2005), dan *Balai Maqamat* (2014) (Mohd. Affandi, 2019). Selain itu, cerpen Mohd. Affandi yang berjudul “Masih Murid Lagi” diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul “Still Learning” oleh Washima Che Dan, dan dimuatkan dalam antologi cerpen *Been There, Read That: Stories for the Armchair Traveller's* (2008) yang diterbitkan oleh Victoria University Press, New Zealand.

Selain giat mengarang cerpen, Mohd. Affandi pada tahun 1989 turut memperkenalkan genre baru dalam kesusasteraan Melayu yang dinamakan *Espen*, iaitu gabungan esei dan cerpen (Mohd. Affandi, 2005: 81-84). Selain *Espen*, Mohd. Affandi juga pernah menghasilkan kumpulan haiku dalam bahasa Melayu yang berjudul *Cendera Kirana: Haiku in Malay* (1994), dan karya tersebut merupakan kumpulan haiku dalam bahasa Melayu yang pertama di Malaysia (Darma Mohamad, 2013: 11). Selain genre-genre tersebut, Mohd. Affandi turut menyerlah dalam penulisan novel. Novel pertama beliau ialah *Aligupit* (1993), diikuti dengan *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1995), *Tampang Sasterawan* (1996), *Wajah Pendeta* (1996), *Hikayat Buyung Lurus* (2016), dan *Hikayat Salim Adil* (2018) (Mohd. Affandi, 2019). Empat daripada novel tersebut, iaitu *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga*, *Tampang Sasterawan* dan *Wajah Pendeta* kemudiannya disatukan dalam sebuah tetralogi berjudul *Pujangga Melayu* yang diterbitkan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1997 dan tahun 2017 dalam siri novel persuratan.

Pengamatan awal mendapati bahawa berbanding karya-karya kreatif beliau yang lain, novel *Pujangga Melayu* rata-rata mendapat perhatian yang lebih luas dalam kalangan pengkaji sastera tempatan. Kecenderungan para pengkaji untuk membahaskan novel *Pujangga Melayu* dilihat ada hubungannya dengan konsep “novel persuratan” yang mendasari novel *Pujangga Melayu*. Konsep “novel persuratan” tersebut diajukan dengan falsafah serta ciri yang berbeza daripada novel-novel sedia ada yang terhasil dalam sastera Melayu moden. Perbezaan ini antaranya terletak pada “pemikiran” atau “wacana” (iaitu penghujahan idea-idea ilmiah) yang menjadi peknngisian utamanya, di samping “cerita” yang hanya berperanan sebagai wadah untuk menyampaikan “pemikiran” atau “wacana”, sebagaimana yang tercatat pada bahagian prakata novel *Pujangga Melayu* Edisi Kedua terbitan tahun 2017 (Mohd. Affandi, 2017: ix).

Merujuk kepada konsep novel persuratan yang mengutamakan “pemikiran” atau “wacana” dan mengkesampingkan “cerita”, pengamatan awal mendapati bahawa dalam dunia kesusasteraan Melayu, adanya kecenderungan dalam menangani persoalan “ilmu” dan “pemikiran” dalam karya sastera seperti novel. Pada satu pihak, terdapat golongan sarjana, pengkaji dan pengkritik sastera yang menganggap bahawa “ilmu” dan “pemikiran” dalam karya sastera ditangani melalui penghujahan yang sistematik atau lazimnya disebut sebagai “wacana”. Pada pihak yang lain, terdapat kecenderungan yang mengatakan bahawa “ilmu” dan “pemikiran” dalam karya sastera itu hadir dalam aspek “cerita”. Perbezaan pandangan ini antaranya telah dibangkitkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam syarahan perdana beliau bertajuk *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu* (2007). Syarahan perdana Ungku Maimunah Mohd. Tahir ini dengan jelas mengamati bahawa persoalan “ilmu” dan “pemikiran” (juga disebut oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir sebagai “faedah”), telah mencetuskan dua kutub pandangan yang berbeza dan menjadi pertikaian dalam kegiatan sastera Melayu masa kini, sebagaimana yang ditulisnya, “Dua bentuk pemahaman tersebut merumuskan secara konkrit dan padat pengertian yang begitu berbeza yang mempengaruhi penulisan, khususnya penulisan kreatif atau sastera Melayu. Ternyata kehadiran ilmu atau faedah serta kedudukannya dalam sastera menjadi persoalan utama yang dipertikaikan (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2007: 10). Kenyataan ini dengan jelas memperlihatkan kompleksiti yang wujud dalam perbahasan mengenai “ilmu” dan “pemikiran” dalam kegiatan sastera. Kompleksiti ini penting untuk difahami dalam menangani persoalan “wacana” dan “cerita” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi.

Lanjutan daripada kompleksiti di atas, kajian ini menarik perhatian terhadap kenyataan beberapa pengkaji sastera tempatan yang secara jelas memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah karya penting khususnya dalam menyampaikan “ilmu” dan “pemikiran”. Antaranya ialah Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 37) yang memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah karya yang berusaha memberikan pengertian dan tafsiran yang sewajarnya tentang Islam dan kedudukan sastera menurut perspektif Islam, sebagaimana yang dapat dilihat menerusi petikan No. 2, LAMPIRAN A. Selain itu ialah Shamsul Amri Baharuddin (2002: 7) yang berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah karya intelektual yang berupaya mengutarakan permasalahan tentang pembentukan identiti Melayu-Muslim di Malaysia, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 3, LAMPIRAN A. Begitu juga R. Sharatha A/P Ramasamy (2007: 185) yang memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai *magnum opus* kerana berhasil dalam menyerlahkan “seni untuk ilmu” sebagai asas dalam kegiatan penulisan kreatif, sebagaimana yang dapat dilihat menerusi petikan No. 4, LAMPIRAN A. Tidak ketinggalan Mohd. Zariat Abdul Rani (2008: 17) yang juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* berhasil dalam mengemukakan “idea” supaya poligami dimanfaatkan sebagai satu bentuk perkongsian intelektual yang menguntungkan lelaki dan wanita, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 5, LAMPIRAN A. Demikian juga Mohd. Faizal Musa (2011: 41) yang memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai karya yang membangunkan “wacana” keilmuan mengenai pendidikan anak-anak dan remaja Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunah, sebagaimana yang dapat dilihat menerusi petikan No. 6, LAMPIRAN A.

Pendapat serta perakuan para sarjana, pengkritik dan pengkaji sastera yang diamati di atas dengan jelas memperlihatkan kekuatan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah karya penting dalam kesusasteraan Melayu, dan justeru wajar diberikan perhatian yang serius. Pemahaman ini diperkukuhkan lagi dengan kehadiran sejumlah kajian ilmiah sedia ada yang sehingga kini telah meneliti *Pujangga Melayu* daripada beberapa perspektif. Sorotan secara terperinci terhadap kajian-kajian ilmiah tersebut telah dilakukan secara khusus dalam Bab 2 kajian ini. Pada tahap ini, memadai untuk dinyatakan bahawa hasil sorotan tersebut telah memungkinkan kajian ini untuk melakarkan beberapa kesimpulan penting berkaitan *Pujangga Melayu*, yang dapat diujahkan sebagai satu permasalahan kajian.

1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan sorotan yang telah dilakukan dalam Bab 2, kajian ini berhasil dalam mengenal pasti dua kecenderungan penting yang terserlah daripada kajian-kajian ilmiah sedia ada berkaitan novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi. Pertama, kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah novel yang mengandungi “ilmu” dan “pemikiran”. Istilah “ilmu” dan “pemikiran” diberikan tanda kutip kerana pengertiannya yang berbeza-beza menurut pengkaji dan pengkritik sastera, sebagaimana yang akan ditangani secara lebih lanjut dalam perbincangan yang selanjutnya. Pada tahap ini, memadai dikatakan bahawa “ilmu” dan “pemikiran” merupakan dua ciri yang cenderung dikaitkan dengan *Pujangga Melayu*.

Perakuan bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah novel “ilmu” dan “pemikiran” ini antaranya jelas disimpulkan dalam kajian oleh Norizan Othman (2000) yang berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* berjaya menyerlahkan nilai-nilai Islam melalui “ilmu” dan “pemikiran” watak-wataknya. Kajian Mokhtar Hassan (2002) turut memperakukan hal yang sama, iaitu *Pujangga Melayu* sememangnya mengandungi “pemikiran” atau “kritikan” (ungkapan Mokhtar Hassan sendiri), terutama dalam memmanifestasikan Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastera. Seterusnya, kajian oleh Shamsul Amri Baharuddin (2002) turut menemukan kesimpulan yang hampir sama, iaitu *Pujangga Melayu* berupaya mengutarakan krisis yang dihadapi orang Melayu dalam mengharungi cabaran ilmu, dan hal ini sekali gus menjelaskan kecenderungannya dalam memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah novel yang mengandungi “ilmu” dan “pemikiran”. Kesimpulan yang hampir sama turut diutarakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002) yang memperakukan bahawa *Pujangga Melayu* mengandungi “ilmu” dan “pemikiran”, terutama melalui penerapan “idea” tentang kedudukan dan peranan karya kreatif. Hal ini termasuklah kajian oleh Mohd. Zariat Abdul Rani (2004) yang turut memperakukan bahawa *Pujangga Melayu* memberikan penekanan terhadap paksi “ilmu”, termasuk dalam menerapkan pemahaman tentang seksualiti, poligami dan gender. Kajian R. Sharata A/P Ramasamy (2007) pula merumuskan hal yang hampir sama, iaitu “pemikiran” dalam *Pujangga Melayu* digarap dengan penuh kebijaksanaan untuk mencirikan “kebenaran bermakna”, sementara pemahaman isi yang digembleng menerusi *stylization of ideas* pula telah menghasilkan “keindahan” karya ini. Kajian Mohd. Zariat Abdul Rani (2008) juga turut memperakukan hal yang sama, iaitu *Pujangga Melayu* mengandungi ilmu yang dikemukakan melalui “idea” supaya poligami dapat dimanfaatkan sebagai satu perkongsian intelektual yang bermanfaat terhadap kedua-dua gender. Begitu juga kajian oleh Wan Zaida Wan Yusoff (2009) yang juga merumuskan bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah novel yang sarat dengan “ilmu” khususnya mengenai kebudayaan. Akhir sekali, kesimpulan yang hampir sama turut diajukan oleh Meor Mohamad Sollehuiddin Abd Rani (2016) yang berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah novel “ilmu” yang berupaya menjelaskan secara substantif tentang gagasan Persuratan Baru, khususnya soal perbezaan antara “persuratan” dengan “sastera”. Adalah jelas pada kajian-kajian ilmiah di atas bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah novel yang sarat dengan “ilmu” dan pemikiran”.

Merujuk kepada kajian-kajian ilmiah yang disoroti di atas juga, seperkara yang jelas ialah kecenderungan kajian-kajian tersebut menggunakan istilah “wacana” bagi merujuk kepada idea-idea yang diutarakan dalam *Pujangga Melayu*. “Wacana” dalam konteks kajian-kajian ilmiah di atas rata-rata merujuk kepada penghujahan idea yang dibangunkan secara sistematik termasuk diberikan penghuraian, pengukuhan serta rumusan sehingga menghasilkan sebuah wacana ilmiah yang mantap. “Wacana” dalam pengertian di atas, kemudiannya jelas dibezakan daripada “cerita” yang rata-rata difahami pula sebagai isian yang terhasil melalui manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak, konflik, plot dan seumpamanya. Lebih penting lagi, “wacana” dalam kajian-kajian ilmiah di atas dinyatakan sebagai isian yang mendominasi *Pujangga Melayu*, berbanding cerita. Dengan kata lain, korpus kesarjanaan sehingga kini sebahagian besarnya merumuskan bahawa “wacana” merupakan isian dalam novel *Pujangga Melayu*. Dengan “isian wacana” ini, *Pujangga Melayu* diperakukan sebagai novel yang mengandungi “ilmu” dan “pemikiran”, sebagaimana yang disimpulkan oleh kajian Norizan Othman (2000), Mokhtar Hassan (2002), Shamsul Amri Baharuddin (2002), Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002), Mohd Zariat Abdul Rani (2004), R. Sharata A/P

Ramasamy (2007), Mohd Zariat Abdul Rani (2008), Wan Zaida Wan Yussof (2009), dan Meor Mohamad Sollehuiddin Abd Rani (2016).

Kedua, kajian ini turut mengenal pasti kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam memperakukan “wacana” sebagai bentuk yang dimanfaatkan secara signifikan dalam *Pujangga Melayu*, khususnya bagi menjelaskan prinsip *Taklif*. Perakuan ini antaranya jelas disimpulkan dalam tulisan Mohd. Zariat Abdul Rani (2006), Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009), dan Mohd Faizal Musa (2011). Kajian-kajian ilmiah ini didapati cenderung memperakukan “wacana” sebagai bentuk yang dimanfaatkan dalam *Pujangga Melayu* bagi menghujahkan prinsip *Taklif*. Kecenderungan ini antaranya ketara dalam kajian Mohd. Zariat Abdul Rani (2006) yang berpendapat bahawa pengertian *Taklif* (dalam konteks seksualiti manusia), telah dihujahkan dalam novel *Pujangga Melayu* dengan menggunakan bentuk “wacana”. Kesimpulan yang hampir sama turut diutarakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009) yang memperakukan bahawa prinsip *Taklif* dalam novel *Pujangga Melayu*, telah dihujahkan melalui bentuk “wacana”. Kajian Mohd. Faizal Musa (2011) juga memperakukan hal yang hampir sama, iaitu bentuk “wacana” yang dimanfaatkan dalam *Pujangga Melayu* terutama dalam membahaskan pemikiran berkaitan pendidikan anak-anak turut didasarkan kepada prinsip *Taklif*. Adalah jelas bahawa kajian-kajian ilmiah di atas rata-rata memperakukan satu perkara, iaitu dalam menghujahkan tentang prinsip *Taklif*, novel *Pujangga Melayu* telah memanfaatkan secara signifikan bentuk “wacana”.

Bertitik tolak daripada kesimpulan-kesimpulan yang diperolehi daripada pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada yang dinyatakan di atas, kajian ini berupaya dalam mengenal pasti permasalahannya. Hal ini merujuk kepada penggunaan “wacana” sebagai bentuk yang dimanfaatkan dalam *Pujangga Melayu* bagi menjelaskan prinsip *Taklif*. Dalam konteks ini, kajian ini ingin menghujahkan bahawa “wacana” bukan satu-satunya bentuk yang dimanfaatkan dalam *Pujangga Melayu* bagi menjelaskan prinsip *Taklif*. Hal ini kerana bacaan awal mendapati bahawa selain bentuk “wacana”, prinsip *Taklif* dalam *Pujangga Melayu* turut diterjemahkan dalam bentuk “cerita”, terutamanya aspek watak dan perwatakan. Pada tahap ini, tidak keterlaluan jika diandaikan bahawa aspek watak memainkan peranannya yang tersendiri dan signifikan dalam memperkukuhkan penghujahan tentang prinsip *Taklif* melalui bentuk “wacana”, sebagaimana yang telah sedia diperakukan oleh kajian-kajian ilmiah di atas.

Berbeza dengan kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata tertumpu pada soal “ilmu” dan “pemikiran” termasuk wacana-wacana yang mengisi *Pujangga Melayu*, kajian ini hanya memberikan fokus terhadap “wacana *Taklif*” dan proses pembinaan “wacana” tersebut. Berbanding dengan kajian-kajian ilmiah sedia ada juga, kajian ini hanya akan memberikan fokus terhadap pengemblengan aspek watak serta peranannya dalam pembinaan “wacana *Taklif*”. Dalam konteks inilah, kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangannya yang tersendiri dalam memperkayakan korpus penyelidikan terhadap novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi. Sorotan secara lebih terperinci terhadap kajian-kajian ilmiah yang diamati di atas telah dilakukan dalam Bab 2 kajian ini.

1.3 Objektif Kajian

Lanjutan itu, dalam usaha merungkaikan permasalahan tersebut, kajian ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif berikut: -

- i) menganalisis proses pembinaan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan berdasarkan Persuratan Baru, dan
- ii) merumuskan peranan watak dalam menterjemahkan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan.

1.4 Kerangka Analisis

Bagi mencapai kedua-dua objektif yang dinyatakan, kajian ini mengguna pakai pendekatan Analisis Teks (*Textual Analysis*). Pendekatan ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan bahan kajian yang merupakan sebuah teks iaitu novel. Dalam menganalisis teks kajian, pendekatan Analisis Teks menuntut kepada penerapan satu kerangka analisis yang tertentu. Seajar dengan tuntutan tersebut, kajian ini menjadikan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) janaan Mohd. Affandi sebagai kerangka analisis yang diguna pakai bagi menganalisis teks kajian. Pemilihan PB sebagai kerangka analisis ini didasarkan kepada beberapa pertimbangan penting. Pertama, idea pokok PB yang membezakan secara jelas antara “wacana” dengan “cerita”. Pembedaan antara “wacana” dengan “cerita” ini mendorong PB untuk menawarkan alat-alat analisis (*analytical tools*) yang berpotensi dalam merealisasikan objektif-objektif serta merungkaikan permasalahan kajian. Penting untuk dijelaskan bahawa dalam konteks PB sebagai satu kerangka analisis, istilah “alat analisis” ini memang sedia diguna pakai secara konsisten oleh para pengkaji termasuk pencetus PB sendiri iaitu Mohd. Affandi, bagi merujuk kepada “apparatus” yang diaplikasi dalam analisis sesebuah teks sastera. Umpamanya, istilah “alat analisis” telah digunapakai secara konsisten oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam kajiannya yang bertajuk “Lorong Midaq oleh Naquib Mahfouz: Satu Penilaian Menurut Gagasan “Persuratan Baru” Janaan Mohd. Affandi Hassan” (2008: 219), sebagaimana yang dijelaskannya, “...kertas kerja ini akan memanfaatkan beberapa gagasan saja yang akan dilengkapi pula dengan alat-alat analisis yang lain” [Garisian ditambah]. Mohd. Affandi juga turut menggulangi penggunaan istilah “alat analisis” dalam kajiannya yang bertajuk “Penilaian Berdasarkan Persuratan Baru” (2010: 1), sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut,

Tetapi yang lebih penting daripada perkara-perkara di atas ialah mengenai alat analisis yang dipakai oleh Prof. Ungku Maimunah dan Dr. Mohd. Zariat ketika menilai karya kreatif seperti novel. Mereka tidak lagi bercakap secara umum, yang sudah ketinggalan zaman dan tidak berkesan lagi, seperti penekanan terhadap tema, perutusan, perwatakan, bahasa dan gaya, plot, dialog, dan alat-alat lama yang sudah haus dari segi ketajaman analisisnya, tidak berupaya menggigit persoalan baru dan cara berfikir baru yang sudah jauh meninggalkan cara lama itu. Mereka menggunakan alat analisis yang tidak saja baru, tetapi tajam dan kuat untuk menggigit segala kepalsuan penilaian yang dibuat dalam cara lama itu. Mereka menggunakan konsep taklif, konsep wacana, konsep cerita yang dikontraskan dengan wacana,

tentang paksi naratif, tentang ruang naratif, tentang isian cerita, tentang hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, hakikat dan fungsi sastera, yang semuanya diasaskan kepada konsep ilmu yang benar. Dengan menggunakan alat-alat analisis yang baru, segar, tajam dan kuat untuk menggigit kepalsuan penilaian yang dilakukan selama ini, maka mereka dapat menghuraikan dengan tepat, jitu dan objektif aspek tema dan perutusan yang diberi penekanan oleh panel anugerah sastera negara misalnya, tetapi tidak memberi makna apa-apa selain hanya ujaran umum yang dihuraikan secara umum pula [Garisian ditambah] (Mohd. Affandi, 2010: 1).

Seterusnya, penting dijelaskan bahawa istilah “alat analisis” atau “*analytical tools*” yang digunakan dalam PB ini bukan sesuatu yang asing dalam penyelidikan akademik. Dalam bidang sains sosial, istilah “alat analisis” atau “*analytical tools*” telah diguna pakai secara mantap dalam penyelidikan saintifik, sebagaimana yang antaranya dijelaskan oleh Koyel Ranu (2015: 1) “*Very simply put, analytical tool means the tool with which you do some analysis. Like a thermometer (a tool) is used to measure (analyze) temperature (a concept), there are several analytical tools in social sciences* [Garisian ditambah.]

Kedua, kemantapan PB sebagai sebuah kerangka analisis yang dapat diterapkan dalam kajian ilmiah. Kemantapan ini jelas pada penerapannya dalam sejumlah kajian-kajian ilmiah sedia ada, sebagaimana yang akan diperlihatkan dalam Bab 2 kajian ini. Sebagai sebuah kerangka analisis, PB ternyata berupaya membantu kajian-kajian ilmiah tersebut dalam merealisasikan objektif-objektif serta permasalahan kajiannya. Keupayaan ini ada kaitannya dengan kemantapan korpus kesarjanaan mengenai PB yang kini sudah pun dijelaskan oleh Mohd. Affandi melalui pelbagai wadah seperti buku ilmiah, artikel dan kertas kerja ilmiah, termasuk tulisan-tulisan yang terbit dalam blog beliau yang secara khusus membahaskan tentang PB secara ilmiah. Turut memantapkan korpus kesarjanaan mengenai PB ialah tulisan para sarjana, pengkaji dan pengkritik sastera yang terbit dalam pelbagai bentuk seperti buku, syarahan inaugural, tesis kedoktoran dan sarjana, projek ilmiah, artikel dan kertas kerja. Perbincangan khusus tentang korpus kesarjanaan mengenai PB akan ditangani dalam Bab 2 dan Bab 3 kajian ini. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa PB telah tersedia sebagai sebuah kerangka analisis yang dapat diterapkan dalam kajian-kajian ilmiah seperti kajian ini.

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Sejajar dengan objektif serta permasalahan kajian yang dibangkitkan, kajian ini menjadikan novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi sebagai bahan atau teks kajian. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, *Pujangga Melayu* merupakan sebuah novel tetralogi yang menggabungkan empat buah novel Mohd. Affandi yang telah terlebih dahulu terbit secara berasingan, iaitu *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996). Sebagai sebuah novel tetralogi, *Pujangga Melayu* telah diterbitkan sebanyak dua kali. Penerbitan pertama adalah pada tahun 1997 oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. dengan jumlah halaman sebanyak 714 halaman. Manakala, penerbitan kedua pula pada tahun 2017 oleh Wadi Al-Irfan dengan jumlah halaman sebanyak 738 halaman. Berbanding penerbitan pertama, penerbitan

kedua dilengkapi dengan indeks yang menyenaraikan topik-topik yang diujjahkan dalam novel. Selain itu, *Pujangga Melayu* dalam penerbitan kedua (2017) terbit di bawah “Siri Novel Persuratan”, yang sekali gus menampilkan novel (*Pujangga Melayu*) sebagai sebuah “novel persuratan”. Halaman ix (penerbitan kedua, 2017) turut menyediakan penjelasan tentang “novel persuratan”, iaitu menjadikan “pemikiran” atau “wacana” (penghujahan idea-idea ilmiah) sebagai asas pengisiannya. Manakala, “cerita” pula berperanan sebagai wadah untuk menyampaikan “pemikiran” atau “wacana” tersebut. Berdasarkan penampilan serta penjelasan di atas, dapat dikatakan bahawa novel *Pujangga Melayu* yang terbit kali kedua pada tahun 2017 secara lebih jelas ditampilkan sebagai sebuah “novel persuratan” yang menjadikan soal pemikiran termasuk “wacana” sebagai kekuatannya. Justeru, kajian ini mengguna pakai novel *Pujangga Melayu* yang terbit kali kedua pada tahun 2017 untuk tujuan analisis.

1.6 Definisi Operasional

Seterusnya, analisis terhadap teks kajian melibatkan beberapa istilah utama yang penting (*key terms*) dan akan diguna pakai secara konsisten dengan pengertiannya yang tertentu. Oleh yang demikian, bahagian seterusnya akan menjelaskan istilah-istilah utama tersebut dengan merujuk kepada pengertiannya menurut pandangan beberapa sarjana dan pengkaji sastera.

1.6.1 “Isian Wacana”

Dalam konteks PB, “isian wacana” merujuk kepada hujah-hujah intelektual yang dikemukakan hasil daripada pengutaraan idea, penghuraian dan penjelasan contoh, analisis, dan rumusan yang jitu, yang kesemuanya digembleng bagi menghadirkan sebuah “wacana” ilmiah yang mantap. Menurut Mohd. Affandi (2002: 54), “isian wacana” adalah suatu proses pencernaan ilmu yang telah disesuaikan dalam sesebuah watak, dan “isian wacana” juga merupakan suatu idea besar yang telah disaring dan dimatangkan dengan menggunakan konsep ilmu dalam sesebuah penceritaan bagi menjelaskan sesuatu persoalan. Dalam hal ini, “isian wacana” bertindak sebagai proses pengukuhan hujah seperti perdebatan atau penangkisan hujah yang berasaskan kepada konsep ilmu, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 7, LAMPIRAN A. Tambah Mohd. Affandi (2008: 87) lagi, kehadiran “isian wacana” dalam sesebuah novel menjadikan sesebuah novel bukan sekadar sebuah cerita. Sebaliknya, dengan kehadiran “isian wacana”, sesebuah novel itu dapat mengutarakan pemikiran termasuk kebijaksanaan serta pengajaran secara jelas dalam sesebuah karya, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 8, LAMPIRAN A.

Selain itu, Mohd. Zariat Abdul Rani (Mohd. Affandi et al., 2008: 384) turut memberikan takrifan terhadap maksud “isian wacana”, iaitu merujuk kepada idea atau pemikiran yang dibina dan diusahakan secara terperinci dalam sesebuah karya. Menurut Mohd. Zariat Abdul Rani (Mohd. Affandi et al., 2008: 384) lagi, usaha tersebut menuntut sesebuah karya untuk menghujah dan menjelaskan sesuatu idea atau pemikiran dengan terperinci berdasarkan kerangka ilmu yang menjadi pegangannya, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 9, LAMPIRAN A. Tambahan lagi, Mohd. Zariat Abdul Rani (2010:

400-401), turut berpendapat bahawa “isian wacana” hadir melalui idea seseorang penulis dalam sesebuah karya. Idea tersebut dapat dilihat melalui hujah yang dibangunkan secara ilmiah dengan huraian serta pengukuhan yang mantap, dan bukannya ilham daripada cerita penulis. Kefahaman yang jelas terhadap idea atau hujah ini bergantung kepada kemantapan idea atau hujah yang hadir dalam analisis, pengukuhan, pembuktian dan rumusan terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan oleh penulis, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 10, LAMPIRAN A.

Berdasarkan pandangan daripada para sarjana tersebut, dapat dirumuskan bahawa “isian wacana” merupakan pengemblengan idea, pemikiran, buah fikiran atau gagasan tertentu yang mencetuskan proses penakulan melalui pengutaraan, pengupasan, dan pentafsiran idea atau maklumat, sehingga membentuk satu penghujahan dan proses pengukuhan hujah seperti perdebatan, bidasan atau penangkisan hujah yang bertentangan.

1.6.2 “Isian Cerita”

Dalam konteks PB, “isian cerita” ditakrifkan sebagai satu isian yang merangkumi komponen-komponen penceritaan seperti watak, plot, konflik, teknik penceritaan dan seumpamanya yang digembleng bagi menghadirkan sesebuah “cerita” (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2008: 191). Sehubungan itu, “isian cerita” menurut PB hanya berfungsi sebagai ‘alat’ untuk menampung “isian wacana” (ilmu, pemikiran atau idea intelektual). Tergolong juga dalam alat-alat penceritaan ialah unsur-unsur seperti hukum sebab-akibat, suspens (ketegangan), sensasi dan erotik. Tambah Mohd. Zariat Abdul Rani (2008: 191) lagi, alat-alat penceritaan tersebut kebiasaannya dibangkitkan melalui teknik-teknik penceritaan seperti pemerian dan perincian sama ada terhadap latar, aksi atau dialog supaya menjadikan sesebuah cerita lebih realistik, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 11, LAMPIRAN A. Penting untuk difahami di sini adalah bagaimana PB menetapkan fungsi alat-alat penceritaan tersebut hanya sebagai satu ‘isian’ yang berguna bagi mengembang, menggerak dan mengekalkan pergerakan cerita, selain memperhebatkan persembahan cerita secara keseluruhannya. Namun begitu, PB menganggap alat-alat penceritaan (“isian cerita”) tersebut tidak menyumbang kepada proses penakulan, sebagaimana yang dihadirkan melalui “isian wacana”, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd. Affandi (2017, ix) dalam petikan No. 12, LAMPIRAN A.

Perbincangan tentang pengertian “isian cerita” diteruskan lagi dengan takrifan yang diberikan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2008: 223) yang menjelaskan bahawa “isian cerita” merupakan suatu aspek yang dibangunkan atas dasar peniruan terhadap persekitaran manusia. Peniruan terhadap persekitaran manusia tersebut menjadikan “cerita” sebagai isian yang dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu aksi manusia, alam dan perasaan. Tambah Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2008: 223) lagi, “isian cerita” juga dianggap sebagai hasil aksi kehidupan manusia yang ditiru, dan disesuaikan dengan kisah yang ingin dibangunkan dan dipindahkan ke dalam karya kreatif, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 13, LAMPIRAN A.

Berdasarkan pandangan daripada para sarjana tersebut, dapat dirumuskan bahawa “isian cerita” merupakan satu isian yang merangkumi komponen-komponen penceritaan seperti watak, plot, konflik, teknik penceritaan dan seumpamanya yang digembleng bagi menghadirkan sesebuah “cerita”, dan berfungsi sebagai ‘alat’ untuk menampung “isian wacana” (ilmu, pemikiran atau idea intelektual).

1.6.3 “Ruang Naratif”

Dalam konteks PB, “ruang naratif” mengkonsepsikan karya kreatif sebagai satu ‘ruang’ kosong yang diwujudkan bermula daripada bahagian awal hingga bahagian akhir cerita (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2008: 297). Sebagai satu ‘ruang’, karya kreatif seperti novel dapat diisi dengan “isian wacana” dan “isian cerita”. Dengan konsep “ruang naratif” ini, keutamaan sesebuah karya kreatif seperti novel, sama ada terhadap “cerita” atau “wacana” (ilmu) akan dapat dikenal pasti secara jelas dan objektif. Dalam konteks genre novel, “ruang naratif” novel yang semata-mata dengan “isian cerita” atau didominasi oleh “isian cerita”, menyerlahkan keutamaan novel terhadap “cerita” dengan diisi dengan alat-alat penceritaan seperti yang disebutkan di atas. Sebaliknya, “ruang naratif” novel yang didominasi oleh “isian wacana”, menyerlahkan keutamaan novel terhadap “wacana” (ilmu) dengan pengisian alat-alat pembinaan wacana seperti yang diterangkan di atas. Menurut Mohd. Affandi (2014), keutamaan sama ada terhadap “cerita” atau “wacana” (ilmu) ini dianggap penting kerana berperanan menentukan kedudukan sesebuah novel sama ada sebagai “novel cerita”, atau “novel ilmu”, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan No. 14, LAMPIRAN A.

Berdasarkan pandangan daripada para sarjana tersebut, dapat dirumuskan bahawa “ruang naratif” merupakan satu konsep yang menanggapi sesebuah karya kreatif sebagai satu ruang kosong. Sebagai satu ruang yang bersifat neutral, “ruang naratif” sesebuah novel dapat diisi dengan isian-isian tertentu, dan sesuai dengan konteks kajian ini, isian-isian yang diberikan perhatian ialah “isian wacana” dan “isian cerita”.

1.7 Organisasi Pembahagian Bab

Bagi memudahkan perbincangan ini diikuti, kajian ini secara keseluruhannya akan dibahagikan kepada lima bab. Pembahagian bab ini dilakukan setelah mengambil kira beberapa tuntutan penting kajian ini seperti yang akan dijelaskan nanti.

Sebagaimana yang telah dilihat sebelumnya, Bab 1 diperuntukkan untuk membincangkan latar belakang kajian secara umum, selain bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan dan objektif kajian. Bab ini turut menjelaskan tentang kaedah kajian dijalankan, pertimbangan-pertimbangan dalam justifikasi pemilihan kerangka analisis, justifikasi pemilihan bahan kajian, definisi operasional, organisasi pembahagian bab dan akhir sekali kepentingan kajian. Perbincangan dalam bab ini penting bagi memberi gambaran secara umum tentang kajian yang dijalankan.

Seterusnya, Bab 2 pula diperuntukkan untuk membincangkan kajian-kajian ilmiah terdahulu yang berkaitan dengan novel *Pujangga Melayu*. Kajian-kajian ilmiah tersebut terdiri daripada bahan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, artikel ilmiah, tesis, kertas kerja dan diskusi buku. Sehubungan itu, kajian-kajian ilmiah tersebut akan disorot dengan meringkaskan maklumat penting yang diketengahkan oleh para pengkaji dan seterusnya membuat rumusan untuk mengenal pasti lompong kajian dan permasalahan kajian.

Bab 3 pula kemudiannya menfokuskan perbincangan kepada gagasan PB sebagai kerangka analisis. Perbincangan dalam bab ini meliputi falsafah PB seperti Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, serta Hakikat dan Fungsi Sastra. Selain itu, bab ini turut membincangkan tiga jenis alat analisis yang dikemukakan oleh PB, iaitu “isian wacana”, “isian cerita”, dan “ruang naratif”. Perbincangan dalam bab ini penting bagi mengenal pasti falsafah PB dan alat analisisnya, sebelum memulakan penganalisan terhadap novel *Pujangga Melayu*.

Selanjutnya, Bab 4 adalah dikhususkan untuk menganalisis teks kajian, iaitu novel *Pujangga Melayu*, dan seperti yang telah dinyatakan, gagasan PB akan diterapkan sebagai kerangka analisis. Dengan menerapkan gagasan PB, bab ini akan menganalisis beberapa aspek, iaitu pembentukan ruang naratif, wacana *Taklif* dan proses pembinaannya, dan watak dan peranannya dalam pembinaan wacana *Taklif*. Kesemua analisis dan penghujahan dalam bab ini bertujuan untuk mencapai objektif yang telah digariskan dalam Bab 1, iaitu menganalisis proses pembinaan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan berdasarkan Persuratan Baru, dan merumuskan peranan watak dalam menterjemahkan “wacana *Taklif*” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan.

Akhir sekali, Bab 5 diperuntukkan untuk melakarkan secara sepintas lalu tentang kajian ini. Penghuraian yang dilakukan dalam bab ini distrukturkan bagi merealisasikan objektif-objektif kajian, dan seterusnya merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal kajian. Oleh itu, bab ini diharap dapat memberikan jawapan terhadap persoalan yang dibangkitkan dalam permasalahan kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terutama dalam memperkayakan korpus penyelidikan ilmiah tentang kesusasteraan Melayu. Dalam konteks yang lebih khusus, kajian ini serta hasil analisisnya diharap dapat merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan, iaitu berkait soal “isian wacana” dan “isian cerita” dalam *Pujangga Melayu*. Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijalankan bagi meneliti aspek *Taklif* secara mendalam dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi. Dalam konteks ini juga, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan dari segi pemantapan pemahaman tentang Islam dalam kesusasteraan Melayu. Akhir sekali, hasil kajian ini juga diharap dapat membantu para pengkaji atau pembaca dalam penghasilan kajian-kajian ilmiah seterusnya.

BIBLIOGRAFI

- Abraham M.H.A. 1971. *Glossary of Literary Term*. New York: Holt Rhinehart and Winston.
- Abul A'la Mawdudi. 1985. *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Attas, S.M.N. 2011. *Islam dan Sekularisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, S.M.N. 2013. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: IBFM.
- Baalbaki, M. 1997. *Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar El Ilm Lil Malayen.
- Darma Mohamad. 2013. Haiku Melayu, Seiras Tidak Serupa. *Dewan Sastera*. September: 9-11.
- Emaduddin Khalil. 1992. "Fungsi Sastera dalam Pandangan Islam Bahagian Akhir". *Dewan Sastera*. Jun: 91-94.
- Kamarudin Haji Hussin. 1988. *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Koyel Ranu. 2015, 25 Jun. "What does the term 'analytical tool' mean in sociology/anthropology?". Dipetik daripada <https://www.quora.com/What-does-the-term-analytical-tool-mean-in-sociology-anthropology>.
- Norizan Binti Othman. 2000. *Watak dan Perwatakan dalam Novel Mohd. Affandi Hassan*. Projek Penyelidikan Bahasa Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nur Fatiha Fadila. 2014. *Intelektualisme dalam Lima Novel Anwar Ridhwan dari Sudut Persuratan Baru*. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Marcia K. Hermansen. 1996. *The Conclusive Argument From God*. Leiden; New York; Koln: E.J. Brill.
- Mana Sikana. 1986. *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Meor Mohamad Sollehuiddin Abd Rani. 2016. *Konsep Persuratan dan Konsep Sastera dalam Novel Pujangga Melayu karya Mohd. Affandi Hassan*. Projek Ilmiah Tahun Akhir. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2002. "Pujangga Melayu: Mohd Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang", dalam *Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Februari.

- Mohd. Affandi Hassan. 1991. Yang Hampas dan Yang Bernas dalam Teori Sastera Malaysia. *Dewan Sastera*. Jun: 30-31.
- Mohd. Affandi Hassan. 1991. Nota Kecil Buat Mana Sikana. *Dewan Sastera*. Jun: 32.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kelantan: Penerbit Tiga Putri.
- Mohd. Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 2002. “Pujangga Melayu dan Persuratan Baru Menjadi Duri dalam Daging Sastera Melayu Moden”, *Dewan Sastera*, Ogos: 6-11.
- Mohd. Affandi Hassan. 2004. “Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti-intelektualisme, Hasad, Pandirisme”, Siri Wacana Ilmiah DAMAI, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), (Universiti Kebangsaan Malaysia), 21 Disember.
- Mohd. Affandi Hassan. 2005. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. 2014. *Gagasan Persuratan Baru: Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. 2014. *Balai Maqamat*. Selangor: Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 2017. *Pujangga Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Wadi Al-Irfan.
- Mohd. Faizal Musa. 2011. “Wacana Pendidikan Anak-Anak dalam *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan”, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, Jilid 36(2), (Universiti Kebangsaan Malaysia), 33-41 pp.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2004. *Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*. Tesis Kedoktoran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2006. “Wacana Seksualiti Insan dalam Novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan”, *SARI*, Jilid 24 (Julai), (Universiti Kebangsaan Malaysia), 121-159 pp.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. “Poligami dan Gender dalam *Tok Guru* karya Shahnnon Ahmad dan *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan”, *Akademika*, Jilid 74 (Disember), 3-20 pp.

- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2010. "Ilmu dan Penjanaan Ilmu dalam Novel *Melati Kota Bharu* Karya A. Khadir Adabi: Satu Bacaan Intelektual". Ungku Maimunah (Penyt), dalam *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan Teori dan Praktis* (383-444). Bangi. Penerbit UKM.
- Ramli Isin. 1988. *Berkenalan dengan Novel*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- R. Sharata A/P Ramasamy. 2007. *Pujangga Melayu: dari Sudut Pendekatan Persuratan Baru*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- S. Othman Kelantan. 1985. *Teknik Mengkaji Novel Dalaman dan Luaran*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2002. "*Pujangga Melayu, Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia*", dalam *Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Februari.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2002. "Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan", *Dewan Sastera*, Ogos: 36-43.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2008. "*Salam Maria* daripada Perspektif Persuratan Baru", dalam *Gagasan Persuratan Baru: Satu Pengenalan*. Bangi: Penerbit UKM. 239-273.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2009. *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2010. *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zaida Hj Wan Yussof. 2009. "*Pemikiran dalam Novel Melayu Mohd. Affandi Hassan: Analisis Dari Sudut Kajian Budaya*". Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

BIODATA PELAJAR

Akalily binti Narmi dilahirkan pada 15 Mei 1993 di Gua Musang, Kelantan. Beliau merupakan anak pertama daripada empat orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi (2000-2005), dan seterusnya menyambung pelajaran di Maahad Amir Indra Petra (2006), Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Asap (2007-2010) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indra Petra (2011-2012). Pada tahun 2013, beliau berpeluang menyambung pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Sastera (Kesusasteraan Melayu) dan bergraduasi pada tahun 2017 dengan kepujian kelas pertama. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian ke peringkat sarjana, iaitu dalam bidang Master Sastera (Kesusasteraan Melayu). Sepanjang pengajian di peringkat sarjana, beliau telah menerbitkan tiga artikel dalam tiga wadah yang berbeza. Pertama, artikel yang bertajuk “*Pujangga Melayu* Karya Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan terhadap Resepsi Awal Penerbitannya sebagai Sebuah ‘Novel Tetralogi’” dalam BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, iaitu sebuah jurnal berwasit pada 30 Jun 2020. Kedua, artikel bertajuk “Falsafah Taklif dalam Kitab Hujjat Allah Al-Balighah Karya Syah Waliyullah Al-Dahlawi” yang dimuatkan dalam buku ilmiah bertajuk *Eksplorasi Idea dan Pemikiran Melalui Bahasa & Sastera* (2020) yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia, iaitu sebuah badan penerbitan universiti yang berwibawa. Ketiga, sebuah artikel yang bertajuk “Shah Wali Allah Al-Dihlawi’s Ideas on The Study of Modern Malay Literature” dalam International Journal of Academic Research in Business & Social Science, iaitu sebuah jurnal yang termasuk dalam indeks Excellence for Research in Australia (ERA) pada 25 Julai 2021.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

WACANA *TAKLIF* DAN MANIFESTASINYA TERHADAP CERITA DALAM
NOVEL *PUJANGGA MELAYU* OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN

NAMA PELAJAR : AKALILY BINTI NARMI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (√)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]